

SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN BOLASEPAK BAWAH 8, 10 DAN 12 TAHUN

NAMA KEJOHANAN : BOLA SEPAK BAWAH 8, 10 DAN 12 TAHUN
TARIKH : 23 MAC 2018 (BAWAH 8 DAN 10 TAHUN)
24 MAC 2018 (BAWAH 8 DAN 12 TAHUN)
TEMPAT : STADIUM UPM, PUSAT SUKAN, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1. PERATURAN AM

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Undang-Undang Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) melainkan perubahan-perubahan yang dibuat oleh penganjur kejohanan.
- 1.2 Pendaftaran pasukan adalah siapa cepat dia dapat menurut pembayaran tunai. Namun demikian pihak penganjur berhak untuk menolak mana-mana penyertaan tanpa sebab.
- 1.3 Penganjur tidak akan membayar sebarang ganti rugi kepada pasukan-pasukan yang bertanding sekiranya pertandingan dibatalkan, ditunda dan sebagainya. Sekiranya terdapat pasukan yang menarik diri daripada pertandingan sama ada sebelum atau ketika pertandingan dijalankan, pihak penganjur tidak akan membayarkan ganti rugi. Pihak penganjur juga berhak untuk menggantikan mana-mana pasukan yang menarik diri dengan mana-mana pasukan yang layak bagi meneruskan pertandingan.

2. JENIS PERTANDINGAN

- 2.1 Pertandingan Bolasepak 5's Bawah 8 Tahun Karnival Sukan UPM.
- 2.2 Pertandingan Bolasepak 9's Bawah 10 dan 12 Tahun Karnival Sukan UPM.

3. PENYERTAAN

- 3.1 Terbuka kepada semua pasukan sekolah, kelab atau akademi bolasepak di Malaysia **kecuali SEKOLAH-SEKOLAH SUKAN PROJEK NEGERI, SEKOLAH SUKAN KEBANGSAAN DAN AKADEMIK BOLA SEPAK KEBANGSAAN, AKADEMI TUNAS (AT) SEMUA PERINGKAT.**
- 3.2 Pasukan jemputan Antarabangsa yang dijemput.
- 3.3 Setiap pasukan dibenarkan untuk mendaftar 10 pemain 2 pegawai (bawah 8 tahun)
- 3.4 Setiap pasukan dibenarkan untuk mendaftar 14 pemain 2 pegawai. (bawah 10 dan 12 tahun)

4. KELAYAKAN PESERTA

- 4.1 i) Bawah 8 tahun - Lahir pada tahun 2011 dan keatas
ii) Bawah 10 tahun - Lahir pada tahun 2009 dan keatas
iii) Bawah 12 tahun - Lahir pada tahun 2007 dan keatas
- 4.2 Setiap pemain perlu membuat satu salinan Sijil Lahir/Kad Pengenalan dan perlu diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

5. HADIAH

BAWAH 8 TAHUN

- 5.1 Johan : Tunai 500.00 + Medal+Sijil +Piala Iringan
- 5.2 Naib Johan : Tunai 300.00 + Medal+Sijil
- 5.3 Ketiga Bersama : Tunai 150.00 + Medal+Sijil

BAWAH 10 TAHUN

- 5.4 Johan : Tunai 700.00 + Medal+Sijil +Piala Iringan
- 5.5 Naib Johan : Tunai 500.00 + Medal+Sijil
- 5.6 Ketiga Bersama : Tunai 200.00 + Medal+Sijil

BAWAH 12 TAHUN

- 5.7 Johan : Tunai 900.00 + Medal+Sijil+Piala Iringan
- 5.8 Naib Johan : Tunai 500.00 + Medal+Sijil
- 5.9 Ketiga Bersama : Tunai 250.00 + Medal+Sijil

6. JADUAL PERTANDINGAN

- 6.1 Jadual pertandingan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

7. SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1 Pusingan pertama akan dijalankan secara liga manakala pusingan seterusnya akan dijalankan secara kalah mati.
- 7.2 Johan dan Naib Johan setiap kumpulan akan layak ke suku akhir, pemenang suku akhir akan layak ke separuh akhir dan seterusnya ke peringkat akhir.
- 7.3 Bagaimanapun, pihak **Jawatankuasa Pengelolaan Pertandingan BERHAK untuk mengubah sistem pertandingan mengikut kesesuaian** tanpa perlu memaklumkan pasukan-pasukan yang bertanding.
- 7.4 Tiada had pertukaran pemain . **Gantian berulang** dibenarkan sepanjang pertandingan Namun jumlah pemain gantian adalah seperti yang dibenarkan didalam borang penyertaan.

8. YURAN PERTANDINGAN

- 8.1 Bayaran penyertaan sebanyak **RM150.00** setiap pasukan bawah 8 tahun
- 8.2 Bayaran penyertaan sebanyak **RM 200.00** setiap pasukan bawah 10 tahun
- 8.3 Bayaran penyertaan sebanyak **RM 250.00** setiap pasukan bawah 12 tahun
- 8.4 Bayaran **RM100** hendaklah disertakan bersama-sama dengan borang penyertaan dan diserahkan pada atau sebelum tarikh tutup penyertaan **8 Mac 2019 dan** baki bayaran yuran hendaklah dijelaskan pada masa undian mesyuarat pengurus pasukan
- 8.5 Borang penyertaan yang tidak disertakan dengan bayaran akan ditolak
- 8.6 Sekiranya pasukan yang telah membuat pengesahan dan telah membuat bayaran **menarik diri di saat akhir, wang tidak akan dikembalikan.**

9. MASA PERMAINAN

- 9.1 Pusingan Awal : **15 minit setiap perlawanan tanpa rehat. Suku Akhir dan Separuh Akhir : 15minit tanpa rehat** manakala **Akhir : (7-1-7)**
- 9.2 Jawatankuasa Pengelola Kejohanan berhak untuk mengubah tempoh perlawanan sekiranya perlu berdasarkan keadaan semasa kejohanan.
- 9.3 Semua pasukan yang bertanding wajib mematuhi jadual pertandingan yang dikeluarkan oleh

Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

- 9.4 Masa 5 minit diberikan kepada pasukan yang lewat menepati jadual pertandingan. Sekiranya pasukan gagal hadir selepas 5 minit maka kemenangan percuma di berikan kepada pihak lawan dengan jaringan 3-0.

10. PAKAIAN PEMAIN

- 10.1 Setiap pasukan wajib memakai pakaian yang sesuai untuk permainan bolasepak. Jawatan kuasa Pengelolaan Kejohanan mencadangkan agar dua (2) jersi set jersi yang berlainan warna dan hanya pemain yang didaftarkan hendaklah memakai nombor jersey yang sama.

- 10.2 Shin Pad (Pelapik Keting) perlu dipakai oleh semua pemain.

11. PEMBERIAN MATA DAN MENENTUKAN KEDUDUKAN

- 11.1 Menang : 3 mata
Seri : 1 mata
Kalah : 0 mata

- 11.2 Penentuan sekiranya berlaku persamaan mata :

- i) Perbezaan jaringan
- ii) Jumlah jaringan
- iii) Jumlah bolos
- iv) Menang perlawanan awal

- 11.3 Dalam peringkat kumpulan sekiranya keputusan seri selepas waktu permainan tamat, Sepakan satu (1) penalti akan diberikan kepada setiap pasukan bagi menentukan kelebihan jaringan gol untuk memilih Johan dan Naib Johan kumpulan. Sepakan '*Sudden death*' akan diberi. Mata seri tetap diberikan kepada dua pasukan satu (1) mata.

- 11.4 Dalam peringkat kalah mati, sekiranya keputusan seri selepas waktu permainan biasa, **TIGA (3)** sepakan **PENALTI** bagi setiap pasukan akan diadakan bagi menentukan pasukan yang akan kepusingan seterusnya.

12. TARIKH TUTUP PENYERTAAN & PENGUNDIAN

- 12.1 Tarikh tutup penyertaan ialah sebelum atau pada tarikh **8 Mac 2019 (Sebelum Jam 5.00 Petang)**. Walau bagaimana pun pengesahan awal digalakkan supaya memastikan kesahihan penyertaan.

13. BANTAHAN

- 13.1 Bantahan harus dibuat berserta yuran bantahan RM500.00 kepada Jawatankuasa Pengelola Kejohanan.

- 13.2 Wang bantahan akan dikembalikan sekiranya keputusan bantahan tersebut berjaya manakala wang tidak akan dikembalikan sekiranya keputusan tidak berjaya.

14. HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKAN

- 14.1 Segala peraturan yang tertera di dalam kejohanan ini adalah muktamad dan Jawatankuasa Pengelolaan Pertandingan berhak meminda mana-mana aspek pertandingan tanpa memberi pengumuman awal. Perubahan atau pertukaran yang dibuat oleh pihak penganjur tidak memerlukan persetujuan pasukan-pasukan yang bertanding. Ini termasuk hak untuk menukar atau mengubah jadual pertandingan, format pertandingan, peraturan pertandingan, syarat-

syarat pertandingan, penukaran pertandingan, jangkamasa pertandingan dan sebagainya.

14.2 Segala hal yang tidak diperuntukan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan dan segala keputusan adalah muktamad.

15. UNDIAN

Undian akan diadakan pada **21 Mac 2019 (tertakluk pada perubahan)** jam **8.30malam** bertempat di **Pusat Sukan, UPM**

16. PERTANYAAN

16.1 Sebarang pertanyaan sila hubungi **En. Adib B. Adnan 017-3855393 / En. Zainal Abidin B. Yusof 012-2409372.**

Kembalikan borang yang lengkap kepada Urusetia pertandingan atau melalui email :

URUSETIA KARNIVAL SUKAN UPM 2019

Pusat Sukan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor D.E
No.Tel : 0389471277
Fax No: 0389464280 / 4279
Email : aadib@upm.edu.my